

# Semua perlu terima keputusan Kubang Pasu

UM - 11/9/2008

**KUALA LUMPUR** 10 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, semua pihak perlu menerima keputusan UMNO Bahagian Kubang Pasu semalam berhubung kedudukan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tidak terpilih sebagai perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO, November ini.

Timbalan Presiden UMNO itu menegaskan, keputusan tersebut juga perlu dihormati dan sebarang persoalan mengenainya hanya boleh dijawab oleh para perwakilan bahagian berkenaan.

"Apa-apa keputusan pun kita kena terima kerana keputusan yang dibuat ialah yang dibuat oleh perwakilan dan kita hormati apa-apa keputusan yang dibuat perwakilan.

**Saya tidak tahu tafsirannya melainkan anda bertanya kepada perwakilan mengapa mereka mengundi sedemikian cara**

"Saya tidak tahu tafsirannya melainkan anda bertanya kepada perwakilan mengapa mereka mengundi sedemikian cara," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, di sini hari ini.

Najib berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kegagalan Dr. Mahathir menjadi salah seorang perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO apabila tewas dalam pemilihan pada Mesyuarat UMNO Bahagian Kubang Pasu, Kedah

semalam.

Bekas Presiden UMNO dan Perdana Menteri itu menduduki tempat kesembilan selepas memperoleh 227 undi daripada keseluruhan 15 calon yang bertanding merebut tujuh kerusi perwakilan bahagian tersebut.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, cara terbaik untuk mengetahui tafsiran kepada keputusan itu ialah dengan bertanya kepada para perwakilan itu sendiri untuk mendapatkan gambaran sebenar.

**NAJIB  
TUN RAZAK**  
Timbalan  
Presiden UMNO

"Tafsiran kita di sini mungkin berlainan daripada perwakilan (di sana)," ujarnya.

Apabila ditanya sama ada keputusan itu menunjukkan bahawa seseorang yang terkeluar daripada kedudukan kuasa tidak lagi diberi penghargaan, Najib berkata, persoalan itu perlu diajukan kepada para perwakilan.

Ditanya sama ada beliau terkejut dengan keputusan tersebut, Najib berkata: "Saya tidak tahu, saya tidak berhubung dengan para perwakilan."

Apabila diaju soalan mengenai potensi kewujudan masalah yang lebih besar dengan menghalang Dr. Mahathir daripada memperoleh landasan untuk bercakap pada mesyuarat tersebut, Najib berkata, parti akan berupaya menguruskannya.